

DIA SI PENEMAN SETIA, SAYANGILAH HAIWAN PELIHARAAN ANDA

GARIS PANDUAN DALAM MENJAGA HAIWAN KESAYANGAN
DAN CARA MENCEGAH GIGITAN HAIWAN



Disusun oleh:
René Grobler, Amanda Klette,
Netcare Trauma Division
Daniel Stewart & Terence Scott
Global Alliance for Rabies Control

BAHASA BADAN HAIWAN PELIHARAAN

FAHAMI MAKSUD GERAK-GERI



BERJAGA-JAGA



MENCURIGAI



RESAH



TERANCAM



MARAH



MESRA



"BERASA KURANG SENANG"
MATA SEPERTI IKAN PAUS: BAHAGIAN MATA PUTIH LEBIH TERSERLAH



"AKU KESAYANGANMU"
TERLENTANG DENGAN GEMBIRA



**TERCUNGAP-CUNGAP
(SEPERTI KEPANASAN)**



MENGHENDAP



"HAI, SAYA SAYANG AWAK!"
(MENYAPA MESRA DENGAN MEREKANGLKAN BADAN)



"SAYA MESRA!"



"SAYA BERSEDIA!" "KAMU AKAN BERI SAYA MAKAN"



SANGAT BAHAGIA
(MENGGYANGKAN EKOR)


© 2011 Lili Chin www.doggiedrawings.net

Lili

Tingkahtlaku yang tidak patut dilakukan pada haiwan

Mudah, bayangkan interaksi antara manusia

Dilarang mengambil makanan tanpa izin.




Dilarang mengganggu anjing yang sedang makan

Dilarang mencuri mainan orang lain.



Dilarang mengambil mainan anjing

Dilarang mendekatkan muka dengan muka orang lain.



Dilarang mendekatkan muka dengan muka anjing

Dilarang mengganggu orang yang sedang tidur



Dilarang mengganggu haiwan yang sedang berehat. Biarkan haiwan peliharaan tidur berbaring

Dilarang menarik rambut orang lain.




Dilarang menarik telinga atau ekor haiwan

Dilarang memijak dan memanjat badan orang lain.



Dilarang menunggang dan memijak badan haiwan

Dilarang menyakiti orang lain.



Dilarang memeluk anjing dengan erat, kebanyakan tidak menyukainya


Dilarang meninggikan suara kepada orang yang lebih tua.



Dilarang menjerit sesuka hati kepada haiwan.

Poster adapted from resources available by Dr. Sophia Yin at www.drSophiaYin.com

MARI MEWARNAI!



TANGGUNGJAWAB DALAM MEMELIHARA HAIWAN

5 HAK ASASI HAIWAN

Tanggung jawab pemilik haiwan peliharaan adalah:




1. Menyediakan Makanan yang sihat dan air minuman yang bersih setiap hari



2. Menyediakan Tempat tinggal yang selesa



3. Memberikan penjagaan kesihatan yang secukupnya




4. Memberikan mereka kawan sepermainan atau waktu bermain bersama anjing lain yang sihat



5. Memastikan mereka gembira, tidak berasa takut dan juga tertekan.

JANGAN KEJUTKAN ANJING YANG TIDUR



Dunia lebih indah dengan haiwan peliharaan. Marilah berkawan dengan mereka!

Kita menggalas tanggungjawab yang besar apabila memiliki haiwan peliharaan dan mereka juga sesuatu yang terindah dalam hidup kita. Mereka adalah keluarga, seperti adik beradik.

Berkawanlah dengan mereka, berbual-lah dengan mereka! Mereka juga boleh menjadi rakan kamu dan pandai menyimpan rahsia. Kita juga perlu menghormati haiwan, seperti mana kita hormatkan orang tua, guru dan juga adik-beradik

Selain dari itu, anjing merupakan haiwan yang pintar dan mudah dilatih. Latih mereka atau hantar mereka ke tempat latihan anjing agar mereka boleh belajar untuk memahami arahan-arahan asas.

Apabila kamu inginkan seorang kawan, jadilah kawan dahulu!



MAKANAN SEIMBANG DAN AIR BERSIH

Seperti kita, semua haiwan perlukan makanan yang seimbang dan kaya dengan nutrisi-nutrisi penting seperti vitamin, mineral, protein dan pelbagai lagi.

Antara makanan yang sesuai dan juga perlu dihindari oleh haiwan adalah seperti:

BOLEH

Daging yang dimasak ✓
Ayam yang dimasak ✓
Salmon yang dimasak ✓
Sayuran ✓
Serat dan Gandum ✓
Ubi ✓

TIDAK BOLEH

Coklat X
Anggur X
Bawang besar X
Kopi X
Bawang putih X
Gula-gula getah X
Alkohol X



KEPERLUAN KESIHATAN HAIWAN YANG ASAS

Semua haiwan boleh jatuh sakit dan mereka tiada daya untuk merawat diri sendiri, tetapi penyakit mereka boleh dicegah!



Haiwan peliharaan memerlukan: Vaksinasi setiap tahun

Ubat cacing setiap bulan

Pemeriksaan rutin ke klinik haiwan setiap tahun

Selain itu, haiwan peliharaan juga perlu dimandulkan. Ia penting untuk mengelakkan populasi berlebihan, pengabaian haiwan dan pelbagai masalah kesihatan yang lain.



CARI PERKATAAN

K	I	O	A	O	P	B	A	N	I	M	B	A	E
B	E	B	A	S	S	O	M	R	E	A	N	L	N
A	E	I	E	I	L	A	A	N	O	B	S	A	M
R	I	A	H	H	B	O	Y	I	B	G	E	A	E
A	U	A	N	A	W	A	N	I	R	E	T	E	V
E	T	M	I	N	L	R	Y	E	I	B	V	N	S
T	G	A	S	A	E	B	E	R	M	A	I	N	I
A	T	K	K	L	M	E	L	O	M	P	A	T	R
L	K	A	R	A	E	L	B	U	L	U	I	M	A
I	A	N	O	A	K	E	L	U	A	R	G	A	A
G	E	M	B	I	R	A	K	R	I	A	N	G	V
O	J	A	N	J	I	N	G	O	I	B	O	L	A
L	M	A	N	J	A	I	L	J	R	L	A	I	P
N	E	E	G	R	T	T	A	M	A	L	E	S	R

1. BULU
2. KELUARGA
3. VETERINAWAN
4. BERMAIN
5. BOLA
6. ANJING
7. TALI
8. BEBAS
9. AIR
10. SIHAT
11. MELOMPAT
12. GEMBIRA
13. MAKAN
14. MENYALAK
15. EKOR
16. RIANG
17. SELAMAT
18. MANJA



MENCEGAH LEBIH BAIK DARIPADA MERAWAT “CEGAH GIGITAN SEBELUM TERJADI”

Anjing seperti haiwan yang lain secara semulajadi akan menggigit apabila mereka berasa terancam dan takut. Perilaku ini bertujuan untuk melindungi diri mereka daripada bahaya. Mereka juga tidak tahu bahawa menggigit manusia itu satu kesalahan. Justeru itu, bagi mengelakan diri kita digigit anjing, kita perlu ambil tahu tentang;

- Perilaku anjing terutama apabila mereka berasa takut
- Bagaimanakah cara untuk mendekati anjing dengan selamat
- Keadaan yang sesuai untuk mendekati anjing

Dengan memahami perilaku anjing dan menjauhkan diri dari situasi berbahaya, risiko gigitan anjing dapat dielakkan

Berwaspada apabila anjing

- BERDIRI KUKUH & TEGANG
- EKOR KAKU
- TELINGA KE BELAKANG
- BERUNDUR
- MENDERAM
- CUBA UNTUK MENGGIGIT
- MERENUNG TAJAM
- BULU TEGAK



HARUS DILAKUKAN ✓

- TANGAN DI SAMPING
- BERDIRI DIAM



JANGAN DILAKUKAN ✗

- MELARIKAN DIRI
- MENJERIT
- MELIHAT MATA MEREKA

APABILA KAMU DIGIGIT:

- JANGAN MENARIK ANGGOTA BADAN YANG DIGIGIT
- BERTAHAN DAN DIAM
- APABILA JATUH, BERGULUNG SEPERTI BOLA DENGAN MELIPAT TANGAN DAN KAKI KE DALAM



MENCEGAH GIGITAN ANJING

Bagaimanakah cara untuk mencegah anjing daripada menggigit?

Anjing peliharaan:

Anjing peliharaan hendaklah dilatih untuk kawalan sendiri dan juga bermain secara selamat apabila bersama-sama dengan manusia sedari mereka kecil lagi. Ini kerana anjing yang terlatih mudah dikawal, selesa dan tidak takut apabila di samping manusia.

Semua pemilik haiwan bertanggungjawab untuk mengetahui cara yang betul untuk berinteraksi dan mengawal haiwan peliharaan mereka. Hal ini penting agar pemilik anjing mampu untuk mengawal anjing peliharaan dan risiko digigit oleh anjing dapat dihindari

Anjing peliharaan hendaklah dimandulkan. Ini kerana anjing yang tidak dimandulkan lebih bersifat dominan dan berkemungkinan akan bertindak agresif apabila dalam keadaan terpaksa. Justeru itu, permandulan anjing peliharaan sangat digalakkan bukan sahaja untuk faktor keselamatan semua malah ia juga baik untuk kesihatan anjing kita

Anjing yang tidak dikenali:

Apabila ada anjing menghampiri atau mengejar kita, kekal tenang dan berdiri diam. Biarkan anjing menghidu kita dan apabila mereka pergi, jalan perlahan-lahan ke arah bertentangan jauh daripada anjing

Jaga jarak dengan anjing yang tidak dikenali termasuk anjing yang dirantai atau berada dalam pagar.

Jangan mengacah, mengejar atau melempar apapun pada anjing. Jangan mengganggu anjing yang makan, tidur atau menyusukan anaknya.

Waspada dengan keadaan sekeliling dan anjing-anjing yang tinggal disitu. Berbuat baik dengan mereka dan jangan mengganggu kawasan mereka dengan sewenangnyanya.


Jangan memukul, menendang atau menjerit pada anjing, dan jauhkan diri anda daripada anjing yang berperangai pelik

RABIES

APA ITU PENYAKIT RABIES?

Rabies adalah penyakit bawaan virus yang hanya menyerang mamalia dan sering terjadi pada anjing. Virus Rabies hidup di dalam air liur haiwan mamalia yang dijangkiti dan ia boleh masuk ke dalam tubuh haiwan atau manusia lain melalui gigitan, cakaran dan luka yang dijilat. Penyakit ini juga boleh menyebabkan kematian apabila tidak dirawat dengan segera

Rabies boleh membawa maut tetapi ia boleh dicegah melalui vaksinasi yang diberikan pada haiwan peliharaan seperti anjing. Pastikan haiwan peliharaan anda sentiasa divaksin supaya Rabies dapat dibendung.



Elakkan daripada digigit



Jangan memegang atau mendukung anjing liar



Hindari diri daripada dijilat atau dicakar oleh haiwan

ADAKAH RABIES DAPAT DIUBATI?

Penyakit Rabies tidak dapat dirawat apabila tanda-tanda jangkitan Rabies sudah muncul. Jadi, kita harus mencegahnya sedari awal dengan memberikan vaksinasi pada anjing peliharaan kita!


Terdapat 3 langkah mudah untuk mencegah rabies:

1. Elakkan daripada digigit oleh sebarang jenis haiwan
2. Apabila digigit, segera bersihkan luka dengan air mengalir dan sabun selama 15 minit.
3. Maklumkan pada penjaga atau orang dewasa bahawa anda telah digigit supaya anda boleh dibawa ke klinik/hospital berdekatan dan rawatan dapat diberikan dengan segera.





NOTA :

Jika tiada penjaga atau orang dewasa berdekatan, maklumkan kepada rakan-rakan supaya mereka boleh mencari pertolongan dengan segera.



CARI PERBEZAANNYA!

(ada 13)





CEGAH RABIES



Apabila kamu digigit anjing - cuci luka dan segera ke klinik!


Bagaimana cara mencegah gigitan anjing!

- X** Jauhi anjing yang **TIDAK DIKENALI!**
- X** Jauhi anjing yang berperangai pelik - ia mungkin akan menggigit!
- X** Jangan mengejar, memukul atau menjerit pada anjing!
- X** Jangan ganggu anjing yang makan, tidur atau yang bersama dengan anaknya!








Concept by: D. Stewart Rabies Project. Designed by D. Cooke Department of Agriculture, Environmental Affairs & Rural development: Veterinary Epidemiology Section 033 3476267

agriculture, environmental affairs
& rural development
Department
Agriculture, Environmental Affairs
& Rural Development
PROVINCE OF NORTHERN FREE STATE



MY DOG



TAHNIAH

Adalah dengan ini disahkan bahawa:

tahu tatacara yang betul semasa berada berdekatan anjing!

Saya berjanji untuk:

- Meminta izin terlebih dahulu pada pemilik anjing sebelum menyentuh/bermain dengan mereka.
- Tidak sewenangnyanya mendekatkan muka saya pada anjing
- Diam seperti batang pokok atau batu apabila ada anjing yang datang menghampiri
- Tidak mengganggu anjing yang makan, tidur atau bersama anaknya.



